**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : LOKAL**



# Ada 18 kes baharu Covid-19

## Semua mangsa dikesan, diasingkan termasuk lelaki baru pulang dari Iran

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

FOTO: AIZUDDIN SAAD




ORANG ramai memakai topeng mulut sebagai langkah berjaga-jaga berikutan gelombang kedua penularan Covid-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia mengesahkan terdapat 18 kes baharu jangkitan Covid-19 setakat jam 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, semua kes ini dikesan dan diasingkan untuk rawatan selanjutnya.

"Kontak rapat bagi kes ini juga sedang dikenal pasti untuk siasatan dan pengambilan sampel selanjutnya.

"KKM ingin memaklumkan satu kes (kes ke-101) dikesan dalam kalangan *Patient Under Investigation* (PUI) dilaporkan membabitkan seorang lelaki yang baru pulang dari Iran.

"Kes bersama dengan rakan perniagaan beliau ke Iran pada 20 Februari sehingga 27 Februari lalu.

"Kes dikesan bergejala pada 5 Mac lalu dan kes disahkan positif Covid-19 pada 8 Mac," katanya dalam satu kenyataan media.

Dr Noor Hisham berkata, kini kes dirawat dan dimasukkan ke wad isolasi Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan.

Katanya, dengan pertambahan 18 kes baharu ini, menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia adalah 117 kes.

"Daripada jumlah ini 19 kes dikesan dalam kalangan PUI jangkitan Covid-19, 96 kes dari kalangan kontak rapat dan dua lagi kes dari Misi Bantuan Kemanusiaan.

"Dua kes dilaporkan berada di Unit Rawatan Rapi semalam, masih lagi dirawat di Unit Rawatan Rapi dan memerlukan bantuan alat pernafasan," katanya.

Untuk makluman semua, kes bagi gelombang kedua yang dilaporkan ini (bermula kes ke-23 hingga kes ke-117), hanya enam kes dilaporkan dari kalangan PUI dan mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara.

> *Kontak rapat bagi kes ini juga sedang dikenal pasti untuk siasatan dan pengambilan sampel selanjutnya"*
>
> **Dr Noor Hisham Abdullah**

# KKM, swasta kerjasama ambil sampel di rumah

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bekerjasama dengan pihak swasta bagi perkhidmatan pengambilan sampel Covid-19 di rumah.

Dengan kolaborasi ini, orang awam yang tidak mempunyai gejala boleh menjalani ujian Covid-19 di rumah tanpa perlu hadir ke fasiliti kesihatan.

Menerusi kenyataan dikeluarkan, KKM berkata orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan ini dengan memuatnaik aplikasi berkaitan bagi menentukan masa lawatan ke rumah bagi tujuan pengambilan sampel.

"Bagaimanapun, perkhidmatan pengambilan sampel Covid-19 ini akan dikenakan caj oleh pihak syarikat swasta berkenaan," katanya.

KKM turut menasihatkan orang awam mengenai kepentingan penjagaan kesihatan diri yang baik dan sekiranya bergejala, elakkan dari mengunjungi ke tempat awam.

"Dua kaedah mudah ini terbukti mampu mengurangkan penularan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh titisan sekresi pernafasan dalam kalangan komuniti.

"Kaedah ini juga satu kaedah yang digunakan China ketika menghadapi wabak Covid-19 di negara mereka dan salah satu penyumbang pengurangan kes di China," katanya.

KKM juga ingin menasihatkan orang ramai agar menangguhkan perjalanan ke luar negara terutama ke wilayah atau bandar yang diisytiharkan sebagai kawasan wabak Covid-19 di Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun, Itali dan Iran (seperti yang dimaklumkan sebelum ini).

Sementara itu, KKM berkata pihaknya menjalankan survelan Covid-19 bagi mengesan kes terpencil atau sporadik di Malaysia melalui pesakit influenza-like-illness (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI) yang tiada kaitan dengan sejarah perjalanan ke negara terjejas atau kontak dengan kes positif Covid-19.

"Sehingga 9 Mac 2020, sebanyak 574 sampel diuji dan setakat ini tiada sampel dikesan positif jangkitan Covid-19.

"Berdasarkan maklumat semasa, buat masa ini tiada kes sporadik Covid-19 yang dikesan melalui aktiviti survelan ini," katanya.

**Khidmat ambil sampel Covid-19 akan dikenakan caj oleh pihak syarikat swasta**




AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL



lokal

# Kedua tertinggi

## *Kanser kolorektal kedua paling kerap berlaku di Malaysia*

**Bernama**



**Kuala Lumpur**

Kanser kolorektal merupakan kanser kedua paling kerap berlaku di Malaysia iaitu 13.5 peratus selepas kanser payudara (19 peratus), kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah ***(gambar)***.

Beliau berkata laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) 2012-2016 juga menunjukkan kanser itu paling kerap berlaku dalam kalangan lelaki (16.9 peratus) dan kanser kedua paling kerap berlaku dalam kalangan wanita (10.7 peratus).

Malah, laporan itu merekodkan lebih 70 peratus kanser kolorektal dikesan berada pada tahap tiga serta empat iaitu masing-masing 72.4 peratus dalam kalangan lelaki dan 73.1 peratus dalam kalangan wanita.

"Risiko kejadian kanser kolorektal meningkat dengan pertambahan usia, pernah disahkan mempunyai kolon polip, menghidap radang usus dan mempunyai sejarah keluarga yang disahkan menghidap kanser kolorektal.

"Selain itu, amalan gaya hidup sedentari, tidak aktif dan kurang pengambilan serat, sayur-sayuran dan buah-buahan kerap dikaitkan sebagai antara faktor yang meningkatkan risiko kejadian kanser kolorektal," katanya dalam kenyataan sempena Bulan Kesedaran Kanser Kolorektal Mac 2020, semalam.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata kanser kolorektal boleh dicegah dengan amalan gaya hidup sihat serta pengesanan awal melalui ujian saringan.

Bagi pengesanan awal, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal secara percuma menggunakan *Immunological Feacal Occult Blood Test (iFOBT)* di klinik kesihatan dan diikuti dengan ujian kolonoskopi di hospital.

Di samping itu, beliau menasihati orang ramai adalah penting mengenali tanda dan gejala awal kanser kolorektal seperti kehadiran darah dalam najis, perubahan pola pembuangan najis (sembelit berselang dengan cirit) serta sakit perut berpanjangan.

Selain itu, rasa letih dan lesu serta hilang berat badan juga tanda amaran kanser.

Tanda dan gejala ini mungkin tidak wujud pada peringkat awal.

"Bulan Kesedaran Kanser Kolorektal jatuh pada Mac setiap tahun. Sempena bulan kesedaran ini, KKM menyeru orang ramai agar sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat untuk mencegah kanser kolorektal, jalani ujian saringan sekiranya tidak mempunyai tanda dan gejala serta berusia antara 50 hingga 75 tahun, kenali tanda dan gejala awal kanser kolorektal serta dapatkan nasihat doktor untuk pemeriksaan lanjut dengan segera," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

# 18 kes positif baharu Covid-19

Satu kes lelaki baru pulang dari Iran

PUTRAJAYA

Sebanyak 18 kes baharu jangkitan koronavirus (Covid-19) dilaporkan sehingga jam 12 tengah hari semalam menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 117 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, satu daripada kes baharu iaitu kes ke-101 melibatkan seorang lelaki yang baru pulang dari Iran.

"Kes bersama dengan rakan perniagaan beliau telah ke Iran pada 20 Februari sehingga 27 Februari 2020. Kes telah dikesan bergejala pada 5 Mac 2020 dan disahkan positif Covid-19 pada 8 Mac 2020.

"Kes telah dirawat dan dimasukkan ke wad isolasi Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kontak-kontak rapat bagi 18 kes baharu itu sedang dikenal pasti untuk siasatan dan pengambilan sampel selanjutnya.

Menurutnya, daripada 117 kes positif di Malaysia setakat ini, sebanyak 19 kes dikesan dalam kalangan pesakit dalam siasatan (PUI) jangkitan Covid-19, sebanyak 96 kes daripada kalangan kontak rapat dan dua kes lagi melibatkan individu Misi Bantuan Kemanusiaan untuk Membawa Pulang Rakyat Malaysia dari Wuhan, China.




Dr Noor Hisham (tengah) pada sidang media mengenai perkembangan terkini jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

"Sebanyak dua kes yang dilaporkan berada di unit rawatan rapi (ICU) semalam (kelmarin) masih berada di unit yang sama dan memerlukan bantuan alat pernafasan," katanya.

Enggan mengulas lanjut apabila ditanya sama ada pesakit yang berada di ICU berkenaan dalam keadaan kritikal atau sebaliknya, Dr Noor Hisham berkata, dua kes positif yang dirawat di ICU adalah di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Sultanah Aminah.

Malaysia kini berada dalam gelombang kedua Covid-19 sejak 26 Februari lalu dengan indeks kes-23 hingga kes ke-117, hanya enam kes yang dilaporkan melibatkan kalangan PUI dan mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara.

"Kes-kes lain pula melibatkan kluster yang terdiri daripada kontak-kontak rapat dan mempunyai perkaitan antara sama lain," kata beliau. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : ANCAMAN COVID-19

# KKM lancar perkhidmatan ambil sampel Covid-19 dari rumah



Orang awam yang tidak mempunyai gejala boleh menjalani ujian Covid-19 di rumah tanpa perlu hadir ke fasiliti kesihatan.

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) dengan kerjasama hospital dan pembekal perubatan swasta semalam melancarkan perkhidmatan pengambilan sampel koronavirus (Covid-19) di rumah bagi mereka yang ingin membuat ujian pengesanan penyakit berkenaan tetapi tidak menepati kriteria pesakit dalam siasatan (PUI).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dengan kolaboratif itu, orang awam yang tidak mempunyai gejala boleh menjalani ujian Covid-19 di rumah tanpa perlu hadir ke fasiliti kesihatan.

"Pada masa ini pensampelan dilakukan kepada mereka yang telah dikenal pasti iaitu PUI, namun ada segelintir mereka yang khuatir dan ingin mendapatkan ujian Covid-19 tetapi tidak menepati kriteria PUI.

"Dengan ini, KKM tiada halangan bagi mereka yang mahu mendapatkan ujian ini daripada pihak swasta," katanya pada sidang media pelancaran Uberisation: Home Sampling Covid-19 di sini semalam.

Buat masa ini terdapat sebanyak 11 syarikat swasta terlibat dalam menyediakan perkhidmatan pengambilan sampel ujian Covid-19 dari rumah dan senarai syarikat swasta itu mungkin akan ditambah dari masa ke masa.

Syarikat yang terlibat ialah Bookdoc, DoctorOnCall, Pantai Premier Pathology Sdn Bhd, Lablink (M) Sdn Bhd (KPJ), Qualitas Medical Group Sdn Bhd, Gleneagles Kuala Lumpur, Twin Tower Medical Centre KLCC, Pantai Hospital Kuala Lumpur, Pantai Hospital Cheras, Pantai Hospital Klang dan Pantai Hospital Ayer Keroh, Melaka.

Dr Noor Hisham berkata, perkhidmatan pengambilan sampel akan dilakukan oleh pegawai perubatan dan paramedik swasta yang terlatih.

"Sampel akan dihantar ke makmal swasta untuk dianalisis. Perkhidmatan pengambilan sampel Covid-19 di rumah tertakluk kepada caj yang dikenakan oleh pihak swasta," katanya.

Menurutnya, KKM hanya bertanggungjawab dalam melatih anggota dari makmal dan hospital swasta untuk pengendalian kes PUI, pengambilan dan pengendalian sampel serta kawalan mutu untuk ujian Covid-19.

"Kolaboratif KKM bersama penyedia perubatan swasta akan meringankan kehadiran orang ramai untuk melakukan ujian pengesanan Covid-19 di hospital dan klinik kesihatan kerajaan.

"Orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan ini dengan memuatnaik aplikasi berkaitan bagi menentukan masa lawatan ke rumah bagi tujuan pengambilan sampel atau layari laman web syarikat berkenaan untuk maklumat lanjut," katanya. - *Bernama*

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : NEWS/NATION**

GEARED UP

# MINISTRY PREPARED FOR SURGE IN CASES

## Upscaling of facilities, increase of manpower if more Covid-19 cases detected

B. SURESH RAM
AND TEH ATHIRA YUSOF
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my




*Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah speaking at a press conference in Putrajaya yesterday. With him are his deputies, Datuk Dr Chong Chee Kheong (right) and Datuk Dr Rohaizat Yon.* BERNAMA PIC

THE Health Ministry is prepared to deal with a surge of Covid-19 patients.

Sungai Buloh Hospital infectious disease consultant Dr Suresh Kumar Chidambaram said there would be upscaling of facilities and increase of manpower if it happened. This included getting more auxiliary policemen to assist in contact tracing of persons who had been in contact with Covid-19 patients.

He said while Sungai Buloh Hospital would be the main dedicated health centre to treat Covid-19 patients, Shah Alam Hospital and Cheras Rehabilitation Hospital had also been designated for the purpose, if the need arose.

He said at the moment, there were sufficient beds for Covid-19 patients at Sungai Buloh Hospital.

Currently, the fourth and fifth floor of the hospital had been designated for Covid-19 patients with 112 beds on each floor, while the Intensive Care Unit located on the third floor was for serious Covid-19 cases that required oxygen and intensive care.

Dr Suresh said the existing patients from the two floors had been transferred to nearby health facilities so that Sungai Buloh Hospital could concentrate on Covid-19 cases.

"We repurposed it during this outbreak due to limited funds," said Dr Suresh at a briefing with editors and senior journalists at the Health Ministry here yesterday.

Present were Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, Health deputy director-general (public health) Datuk Dr Chong Chee Kheong, Health deputy director-general (medical) Datuk Dr Rohaizat Yon and public health expert Dr Wan Noraini Wan Mohamed Nor.

Up to noon yesterday, there were 18 new positive cases of Covid-19, bringing the tally to 117 cases in the country.

Dr Noor Hisham said the patient identified as Case 101 was reported to be a businessman with a travel history to Iran.

"The patient visited Iran from Feb 20 to 27 with his business partner. He started showing symptoms on March 5 and was tested positive on March 8. He is now isolated and being treated at Tuanku Jaafar Hospital in Negri Sembilan.

"From the total of 117 positive cases of Covid-19, 19 are identified as patient under investigation (PUI), 96 from close contact and two more from humanitarian missions."

Dr Noor Hisham added that based on cases identified from the second wave (Cases 23 to 117), only six were found among PUIs and had a travel history abroad.

He also said two cases were placed in the Intensive Care Units of Sungai Buloh Hospital and Sultanah Aminah Hospital in Johor since yesterday. The patients were aided by breathing ventilators.

When asked if one of the patients was Case 26, Dr Noor Hisham said the ministry would not reveal such information based on the Code of Professional Conduct of the Medical Act 1971 (Amendment 2012).

Dr Noor Hisham said the ministry was conducting the Covid-19 surveillance to detect sporadic and local cases in Malaysia through influenza-like-illness and severe acute respiratory infection patients with no history of travelling to affected countries or contact with those positive Covid-19 cases.

"Up to today (March 9), a total of 574 samples have been tested, and, so far, no samples have been detected positive for Covid-19.

"Based on current information, no Covid-19 sporadic cases have been detected through this surveillance activity."

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

# No Covid-19 detected in samples taken by Health Ministry

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** No sporadic Covid-19 cases have been detected in the community from samples taken by the Health Ministry since Feb 12, indicating that it has not gone into the community, it was announced.

All cases currently tested positive were all linked to travel history and close contacts of Covid-19 patients, said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He said the ministry has been carrying out Covid-19 surveillance to identify sporadic cases locally on patients with influenza-like illness (ILI) and severe acute respiratory infection (SARI) which did not have links to travel history to countries affected by the Covid-19 or contact with any positive Covid-19 case.

"Up to Monday, 574 samples have been taken from those patients and none of the samples tested positive for Covid-19.

"Based on the information, currently there were no sporadic Covid-19 cases detected through the surveillance," he told reporters on the Covid-19 update yesterday.

Dr Noor Hisham said the ministry planned to start doing the tests in private hospitals too to see if Covid-19 has spread in the community.

To prevent overcrowding in public hospitals for Covid-19 tests, the ministry also collaborated with the private sector for doctors to go to homes to collect samples of patients who have concerns about being infected with Covid-19.

The ministry has trained them on how to get the sample but the patient will have to pay for the service, he added.

The test cost about RM700 but the travel costs will depend on the distance, said Dr Noor Hisham in an earlier engagement meeting with the media.

The screening programme can be accessed through the DoctorOnCall Health Advisory platform, which is available on the ministry website.




**Health matters:** Dr Noor Hisham said all cases that tested positive for Covid-19 were linked with travel history. — Bernama

Dr Noor Hisham said public hospitals were swarmed by people wanting to be tested and many were doing it out of fear and did not meet the criteria of people under investigation (PUI).

He said that for this reason, they could call the national CPRC infoline 03-88810200/03-88810600/03-88810700 to find out if they actually need to be screened.

Dr Noor Hisham said besides good hygiene practice, people were advised to postpone their travel overseas, especially to provinces or cities declared to have Covid-19 in China, South Korea, Japan, Italy and Iran.

Meanwhile, another 18 new Covid-19 cases have been reported in Malaysia, up to noon yesterday, making it a total of 117 cases. One of the patients had just returned from Iran.

Dr Noor Hisham said all of the 18 new cases have been identified and separated for further treatment.

For more stories:
**See Page 14**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NATION



# Being lax won't fly at airports

## Local airlines not taking any chances with outbreak worsening




By CLARISSA CHUNG
clarissachung@thestar.com.my



**Healthcare is foremost:** Stewardesses at KLIA wearing face masks amid fears over the spread of Covid-19.

**SEPANG:** With the Covid-19 outbreak getting more intense, local airlines are strictly screening passengers boarding their aircraft.

An AirAsia spokesman said the airline had enforced temperature checks for passengers travelling to all destinations in China, effective Jan 31.

"The checks are conducted at the check-in counters and at the boarding gates from all departure airports.

"Passengers with a temperature exceeding 37.3°C will not be accepted on the flight and recovery options will be offered for their flight booking," the spokesman said.

The spokesman said AirAsia undertook rigorous aircraft disinfection procedures and its planes are equipped with an air filtration system similar to those used at the operating theatres of hospitals.

"AirAsia assures that the safety and well-being of our guests and its staff members are our top priority," the spokesman said, adding that the airline was complying with advice and regulations from the authorities, including the World Health Organisation.

A Malaysia Airlines (MAS) spokesman said the airline conducted temperature screening using non-contact thermometers on all passengers travelling to mainland China, as well as for passengers out of Incheon, South Korea.

"Passengers with body temperatures of 37.4°C and above, which is considered slightly above normal, are required to take a five minute rest before a re-check is done," the spokesman said.

The spokesman said if the temperature remained at 37.4°C and above, passengers will be asked if they have travelled to affected countries, or if they experienced coughing or shortness of breath.

"If they have travelled to the affected countries and are experiencing coughing and shortness of breath, they will be referred to the Health Ministry for assessment and further investigation will be carried out if they are suspected to have been infected," the spokesman said.

The spokesman added that Malaysian health authorities will conduct temperature checks on all passengers from affected countries upon arrival at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

"Passengers will be given a Health Alert Card which must be kept for the next 14 days," the spokesman said.

Normal body temperature is between 36.5°C and 37.5°C. A person with anything above this is considered to have a fever.

A mild fever is below 38°C, whereas a high fever is above that mark.

A Health Ministry official stationed at the KLIA health office said in order to strengthen screening, thermal scanner stations were recently set up at arrival bays for passengers flying in from affected countries – China, Japan, Italy, Iran and South Korea.

Such passengers will also be made to go through a round of thermal scanners before the Immigration counters or before their flight transfers, she added.

"The passengers will be screened, and if they have a fever, they will be pulled out and sent to the examination room.

"The officials will check their body temperatures by clinical thermometer and check for any symptoms of Covid-19 such as fever, cough and shortness of breath.

"The officials will also ask them about their travel history and whether they have travelled to the five affected countries," she said.

If passengers meet the case definition for Covid-19 upon physical examination, they would be sent to hospital immediately.

She said that if the passengers were not fit for admission, they would have their samples taken and be instructed to do home surveillance for 14 days.

In order for the thermal scanner reading to be reliable, the scanners are recalibrated three times a day.

"As of now, the Health Ministry conducts body temperature checks for those entering the country but not those leaving the country," she added.

She said medical personnel from all over Selangor have been deployed for the screening tasks.